

08/08/2000

Bekas Ketua Pengarah FRIM terima anugerah kehormat

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Salleh Mohd Nor, hari ini menerima anugerah keahlian kehormat Kongres Sedunia Kesatuan Antarabangsa Bagi Pertubuhan Perhutanan (IUFRO).

Dr Salleh yang juga Pengarah Urusan Tropbio Research Sdn Bhd menerima anugerah tertinggi IUFRO itu bersama Prof Dr Franz Schmithusen dari Institut Teknologi Persekutuan Swiss.

Anugerah itu disampaikan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian IUFRO ke-21, di sini.

Presiden IUFRO, Prof Jeffery Burley, berkata anugerah itu sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan cemerlangan tokoh terbabit kepada kesatuan antarabangsa berkenaan.

Sebelum itu dalam ucapannya, Burley berkata, setiap peringkat masyarakat harus sedar mengenai perlunya mengurus sumber dunia secara bijaksana, saksama dan beretika.

Katanya, hutan memainkan fungsi besar dalam pembangunan berkekalan dan IUFRO akan terus berusaha menggalakkan penyelidikan untuk menangani isu berkaitan serta membentangkan penemuan mereka agar pembuat dasar dan pemegang saham boleh memahami dan mengambil manfaat daripadanya.

"IUFRO adalah badan bukan kerajaan yang tidak mencari keuntungan. Ia yang ditubuhkan pada 1892 bertujuan menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam penyelidikan hutan dan sains," katanya.

Kongres IUFRO ke-21 yang berlangsung selama enam hari bermula hari ini disertai 2,300 peserta dari 91 negara dan kali pertama dianjurkan di negara membangun.

(END)